

Empat kampung di Jelebu dilanda banjir lumpur

JELEBU - Sebanyak 10 buah rumah membabitkan empat kampung di daerah ini dilanda banjir lumpur, malam kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira 7.20 malam itu, dua rumah di Kampung Kelakar, sebuah rumah di Kampung Batu 17, Ulu Klawang, enam rumah di Kampung Serembai dan sebuah rumah di Kampung 13/4, Kampung Bandar Tinggi, Kuala Klawang ditenggelami air lumpur.

Ketua Polis Daerah Jelebu, Deputi Superintendan Othman Basri berkata, banjir berpunca dari hujan lebat



Rumah penduduk di Kampung Batu 17, Ulu Klawang yang dilanda banjir lumpur, malam kelmarin.

berterusan.

“Hakisan tanah berlaku di sepanjang tebing jalan berhampiran sungai di Jalan

Ulu Klawang dan Jalan Renal menyebabkan banjir lumpur berlaku di kawasan tersebut,” katanya di sini, semalam.